

23 MAY 1997

Mahathir-Ekonomi

MALAYSIA BOLEH MENGELAKKAN KEMELESETAN EKONOMI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 23 Mei (Bernama) -- Ekonomi Malaysia telah mencapai peringkat yang mana ia mempunyai kekuatan lebih daripada mencukupi untuk mengelakkan kemelesetan ekonomi pada masa depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, keraguan mengenai keutuhan ekonomi Malaysia sebenarnya merupakan kerja beberapa majalah ekonomi "terkemuka" dan pewaham-pewaham lain yang menggunakan perkataan seperti "overheating" (ekonomi berkembang terlalu pesat) sehinggakan memberi nasihat supaya Malaysia memelahirkan pertumbuhan pesatnya jika tidak mahu menghadapi kemelesetan ekonomi yang serius.

"Kita enggan memelahirkan pertumbuhan ekonomi kita. Pada 1996, mereka berkata ekonomi kita berkembang terlalu pesat tetapi kita meneruskan kadar pertumbuhan lapan peratus yang kita telah catatkan sejak sembilan tahun lepas," kata Dr Mahathir kepada penuntut-penuntut Malaysia semasa melawat Universiti Warwick di Coventry pada Khamis.

Sambil menyampaikan mesej "business as usual" kepada penuntut-penuntut, Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu dianggap terlalu yakin diri tetapi "kita fikir kita boleh menguruskan ekonomi kita dengan baik".

"Sudah pasti mereka bercakap mengenai "overheating" seperti semasa anda membawa kereta. Tetapi ini kerana kereta itu tidak mempunyai sistem penyejuk yang baik seperti yang dipunyai oleh Malaysia," kata beliau kepada 400 penuntut termasuk penuntut-penuntut Malaysia daripada Universiti Coventry yang terletak berdekatan.

Semasa tiba di universiti itu, Dr Mahathir diberi sambutan ala Malaysia oleh penuntut-penuntut itu dengan pukulan "kompang" oleh sekumpulan pelajar lelaki dan sekumpulan pelajar perempuan pula membawa bunga manggar.

Beliau berkata banyak ramalan negatif mengenai ekonomi Malaysia oleh pewaham-pewaham dibuktikan salah, dan tiada sebab untuk percaya mereka yang berfikiran negatif itu.

Apabila Mexico menghadapi krisis ekonomi beberapa tahun lepas, mereka memberi amaran yang Malaysia akan menghadapi nasib yang sama tetapi ini tidak berlaku, kata Dr Mahathir.

Beliau mengaku yang antara masalah utama ekonomi negara ialah defisit dalam imbalan pembayaran, tetapi ini sedang diatasi dengan beberapa langkah pembetulan yang telahpun menunjukkan keputusan positif.

Pada 1995, Malaysia mencatatkan defisit imbalan pembayaran berjumlah RM19 bilion. Defisit dalam imbalan pembayaran disebabkan oleh import berlebihan berbanding eksport.

Ceramah Dr Mahathir mengenai ekonomi Malaysia mengikut gaya beliau yang menjelaskan perkara-perkara yang susah secara ringkas dan terang diterima baik oleh penuntut-penuntut itu yang nampak memahami beliau lebih baik daripada apa yang dijelaskan oleh majalah perniagaan ataupun buku teks.

Beliau berkata, rakyat Malaysia mengimport banyak barangan yang tidak perlu untuk memenuhi gaya hidup mereka yang semakin mewah sementara industri-industri pula banyak mengimport peralatan walaupun banyak peralatan yang sedia ada masih boleh digunakan jika dibaik pulih.

Untuk menangani masalah itu dan mengurangkan import, kerajaan memberikan insentif kepada industri-industri untuk membaik pulih peralatan lama mereka.

Usaha ini sudahpun menunjukkan keputusan yang baik dalam tiga bulan pertama tahun ini dengan Malaysia mencatatkan lebih dagangan yang selesa

dan lebih banyak lagi langkah akan diambil untuk mengurangkan import dan meningkatkan eksport nilai ditambah, kata Dr Mahathir.

"Hari ini, aliran kewangan Malaysia kukuh. Kita sendiri mengilang barangan dan jika kita boleh meningkatkan lagi nilai eksport kita, maka kita boleh mengatasi masalah imbalan bayaran," kata beliau.

Beliau berkata, peralatan elektrik buatan Malaysia di bawah jenama "MEC" di Bandar MEC dekat Pekan, Pahang merupakan antara usaha mengurangkan import memandangkan Malaysia pengimport besar peralatan elektrik keperluan isirumah.

Perdana Menteri berkata, jika Malaysia pada 20 tahun lepas boleh mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.7 peratus berasaskan kepada dua eksport utama, iaitu getah dan bijih timah, tiada sebab mengapa ia akan menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang dengan senarai barangan eksport yang begitu banyak.

"Malaysia hanya memerlukan kadar pertumbuhan sebanyak tujuh peratus setahun untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Ini bermakna kita hanya perlu menambah 0.3 peratus kepada kadar yang kita capai 20 tahun lepas dengan hanya bergantung kepada getah dan bijih timah," kata beliau.

Hari ini, 80 peratus daripada pendapatan Malaysia datang daripada eksport barangan perkilangan. Jumlah eksport telah mencapai AS\$80 bilion setiap tahun sementara perdagangan berjumlah AS\$170 bilion.

"Malaysia kini merupakan negara perdagangan ke 17 terbesar di dunia. Kita boleh perbaiki lagi kedudukan jika kita meningkatkan kemahirannya kita dalam apa sahaja yang kita buat, khususnya dalam kejuruteraan dan pengurusan," kata beliau kepada penuntut-penuntut itu yang kebanyakannya mengambil kursus dalam dua bidang itu.

Universiti Warwick disenaraikan sebagai No. 5 terbaik daripada 100 universiti di United Kingdom dan menduduki tempat teratas dalam bidang kejuruteraan dan pengurusan melalui Warwick Manufacturing Group (WMG), sebuah pusat bersama yang berfungsi melalui kerjasama antara universiti itu dan industri-industri di Britain untuk melatih pengurus-pengurus yang serba berkebolehan.

"Anda bernasib baik untuk mendapat peluang belajar di universiti ini dan saya menasihati anda belajar sebanyak mana yang boleh semasa berada di sini. Kemahiran anda sangat diperlukan khususnya di Koridor Raya Multimedia (MSC)," kata Perdana Menteri yang akan menamatkan lawatan lima hari ke Britain untuk menarik pelabur ke MSC yang baru dilancarkan itu.

Dr Mahathir sebelum itu menghabiskan masa hampir dua jam melawat pelbagai kemudahan di WMG yang kini merupakan sekolah perniagaan yang paling berjaya di Britain khususnya dalam mengubah teknologi kepada keuntungan.

Beliau diberi taklimat oleh Prof. Kumar Bhattacharya, yang mengasaskan WMG pada 1990 yang kini merupakan pusat pengajian ijazah lanjutan yang paling menguntungkan bagi penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan di Eropah.

Bhattacharya bekas rakyat India, kini rakyat Britain berkata, WMG kini membawa pendapatan sebanyak 51 juta setiap tahun dan telah menjalin kerjasama industri dengan 300 syarikat di seluruh Eropah.

Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara rakan-rakan industri WMG, Computervision dan Bridgeport dengan Malaysia bagi pemindahan teknologi.

WMG juga telah menubuhkan Pusat Perniagaan dan Teknologi (PPT) di Kuala Lumpur dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk melatih pengurus-pengurus mahir bagi sektor perindustrian Malaysia.

Dr Mahathir diberi taklimat mengenai PPT oleh Naib Canselor UTM Datuk Dr Ahmad Zaharuddin Idrus.

Penuntut-penuntut itu pula ingin mengetahui lebih banyak mengenai

pembangunan di Malaysia dan dasar-dasar kerajaan tetapi Dr Mahathir yang tiba di universiti itu dengan sebuah helikopter, meminta mereka supaya jangan menanya banyak soalan kerana hujan telahpun mula turun di luar dan beliau perlu pulang ke London yang mengambil masa sejam untuk sampai.

Beliau dikerumuni oleh penuntut-penuntut semasa keluar daripada dewan universiti itu dan pengawal-pengawal peribadi beliau terpaksa bertungkus lumus mengawal penuntut-penuntut itu.

Tetapi Dr Mahathir tetap memenuhi kebanyakan permintaan untuk bergambar bersama dengan penuntut-penuntut itu.

"Kita begitu seronok kerana dapat bertemu dengan beliau secara peribadi di sini. Saya rasa saya tidak akan mempunyai peluang untuk bergambar dengan Dr Mahathir di Malaysia. Dr Mahathir tampan orangnya," kata seorang penuntut wanita yang begitu genbira dan menghilangkan diri di tengah-tengah kesesakan itu sebelum pemberita sempat mendapatkan namanya. -- BERNAMA

AU PR